

UNIKNYA NEGERI DI BAWAH BAYU

Oleh: Ahmad Solihin bin Azalan, 1171119,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Sabah dihuni oleh penduduk yang terdiri daripada 33 kumpulan etnik yang berkomunikasi lebih 50 bahasa dan 80 dialek.

Negeri di Bawah Bayu ini juga merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak dan mempunyai keunikan sosiobudaya dan lokasi-lokasi pelancongan yang menarik.

Banjaran Crocker di negeri ini menghimpunkan gunung-ganang dengan ketinggian antara 1,000 hingga 4,000 meter.

Gunung Kinabalu merupakan puncak tertinggi di banjaran ini dengan ketinggian 4,095 meter (13,435 kaki) dari paras laut.

Mungkin ramai yang belum tahu kisah di sebalik gelaran Negeri di Bawah Bayu yang diberikan kepada Sabah.

Gelaran itu ada kaitan dengan kedudukan geografi negeri ini di bawah laluan angin monsun yang menjadikan suhu pada waktu pagi dan malam di sini sentiasa dingin.

Terdapat banyak tempat-tempat menarik yang menjadi tarikan pelancong di Sabah termasuk Kundasang yang digelar 'New Zealand Malaysia'.

Selain bergambar di ladang ternakan lembu yang berasal dari New Zealand, pelancong juga boleh menyaksikan panorama indah Gunung Kinabalu dari Kundasang.

Keindahan di sini memang memukau mata yang memandang dan setanding dengan lokasi pelancongan di luar negara.

Di samping itu, Kudat yang terletak di utara Sabah popular dengan penghasilan kraftangan yang menarik dan bermutu tinggi sehingga terkenal di peringkat antarabangsa.

Contohnya, gelang, rantai kunci, rantai leher dan kalung yang diperbuat daripada sulaman manik hasil karya kaum Rungus di Kudat, Sabah.

Terdapat juga ukiran kayu yang ditempah melalui media sosial seperti Facebook. Setiap kraftangan yang dihasilkan mempunyai makna yang tersirat dari segi adat dan tradisi kaum mereka.

Kaum Rungus atau dikenali sebagai 'Momogun Rungus' merupakan salah satu kaum terbesar di Kudat.

Kudat juga dikenali oleh penduduk tempatan sebagai 'Tanjong Berungus' dan kadangkala digelar 'Tambarungan'.

Kaum ini juga merupakan sub-kumpulan kaum Kadazan-Dusun. Budaya dan adat tradisi mereka mempunyai persamaan kerana kedua-dua kaum ini berasal dari kawasan hutan.

Saya pernah ke sebuah kampung di daerah Kudat iaitu Kampung Dampirit sewaktu menyertai misi kesukarelaan pada 12 November 2019.

Kami melawat rumah seorang penduduk yang menghasilkan kraftangan berasaskan manik sebagai sumber pendapatan mereka.

Menurut maklumat yang diberikan oleh pengusaha kraftangan tersebut, setiap manik yang disulam mempunyai makna yang tersendiri dan dibahagikan kepada dua jenis iaitu pakaian tradisional lelaki dan wanita.

Antara pakaian tradisional wanita adalah *inggot kinagkaput* (rantai leher), *sulao* (loceng), *pinakol* (rantai silang dada), *sandang* sebagai hiasan bagi *pinakol*, *tinggol togkol* (kalung), *galinsung* (gelang tangan) dan *orot* (rantai pinggang). Bagi pakaian tradisional lelaki pula adalah *tinggot* (rantai leher) dan *pinakol*.

Semua adat dan tradisi ini tidak dapat dilihat dan dipertontonkan jika kita sebagai penduduk asal tidak memelihara dan membudayakan tradisi kaum sendiri.

Oleh itu, rakyat Malaysia seharusnya bersikap prihatin dan saling memelihara serta menghormati adat dan budaya pelbagai kaum di negara ini.



